


**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(AKTA 171)**

**UNDANG-UNDANG KECIL
PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA
PERSENDIRIAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1982**

P.U.(A) 208/82

SENARAI PINDAAN :

| BIL. | NO. P.U.(A) NO. P.U.(B) | TARIKH DIWARTAKAN | CATITAN |
|------|----------------------------|----------------------|---------|
| 1 | P.U.(A) 305/94 | | |
| 2 | P.U.(A) 331/97 | | |
| 3 | P.U.(A) 219/04 | | |
| 4 | | | |
| 5 | | | |
| 6 | | | |
| 7 | | | |
| 8 | | | |



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 26
No. 14

15hb Julai 1982

TAMBAHAN No. 38
PERUNDANGAN (A)

PER(A) 208

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN (WILAYAH PERSEKUTUAN) 1982

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, menjalankan fungsi Datuk Bandar Kuala Lumpur menurut seksyen 4 (7) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, membuat, dan menurut seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976 Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Wilayah Persekutuan) 1982** dan hendaklah dipakai hanya bagi Wilayah Persekutuan.

Nama dan pemakaian.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteks ayat-ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur;

“lot letak kereta” ertinya ruang yang ditandakan di tempat meletak kereta untuk meletak satu kenderaan motor;

“orang” termasuklah sesuatu syarikat atau badan berkanun atau persatuan atau kumpulan orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“tempat letak kereta persendirian” ertinya mana-mana tanah atau premis atau sebahagian daripadanya yang dimiliki atau di-duduki oleh mana-mana orang selain daripada Datuk Bandar atau Kerajaan dan digunakan untuk meletak sepuluh buah kenderaan

motor atau lebih, dan di mana orang awam dibenarkan meletak apa-apa kenderaan tertakluk kepada bayaran fee sama ada bagi setiap jam atau selainnya.

*Lesen
dikehendaki.*

3. Tiada seseorang boleh mengendalikan suatu tempat letak kereta persendirian melainkan jika ia memiliki lesen yang sah yang diberikan bagi maksud itu di bawah Undang-undang Kecil ini.

*Digantikan Fee bagi
pemegang
lesen.
P.4.(a) 305/94.*

*Digantikan oleh
P.4.(a) 305/94.*

4. (1) Fee yang kena dibayar untuk mendapatkan atau membaharui lesen hendaklah seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Sesuatu lesen melainkan digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga 31hb Disember berikut tarikh kuatkuasa lesen itu dan boleh dibaharui pada atau sebelum tarikh habis tempohnya.

(3) Sesuatu lesen tidak boleh dipindahmilik kepada mana-mana orang lain dan pemegang lesen tidak boleh mengendalikan melalui mana-mana orang lain kecuali dengan kebenaran bertulis Datuk Bandar terlebih dahulu.

*Budibicara
Datuk
Bandar.*

5. Pemberian sesuatu lesen hendaklah menurut budibicara Datuk Bandar.

*Permohonan
untuk men-
dapatkan
lesen.*

6. Permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen untuk mengendalikan suatu tempat letak kereta persendirian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Datuk Bandar dalam bentuk yang ditetapkan oleh Datuk Bandar berserta dengan pendua pelan menunjukkan tempat, dimensa dan muatan tempat letak kereta itu.

Kebersihan.

7. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah menjaga tempat letak kereta persendirianya supaya dalam keadaan bersih setiap masa.

(2) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan bekas sampah yang cukup di tempat letak kereta persendirianya.

*Perubahan
dan tambahan.*

8. Pemegang lesen tidak boleh menambah atau mengurangkan jumlah lot letak kereta dalam lingkungan tempat letak kereta persendirianya kecuali dengan kelulusan bertulis Datuk Bandar terlebih dahulu.

Halangan.

9. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk menjamin bahawa tiada kenderaan diletakkan mengikut apa-apa cara yang boleh menghalang pergerakan lalulintas yang sempurna di dalam atau di sekitar tempat letak kereta persendirianya.

10. Pemegang lesen tidak mengguna atau membenar digunakan mana-mana bahagian tempat letak kereta persendirianya bagi apa-apa maksud lain selain daripada untuk meletak kenderaan motor kecuali dengan kelulusan bertulis Datuk Bandar terlebih dahulu. Kegunaan hali tidak dibenarkan.
11. Pemegang lesen hendaklah mengadakan pencahayaan yang cukup dan, jika tempat letak kereta persendirian itu bertutup, ganti udara yang cukup di tempat letak kereta persendirianya hingga memuaskan hati Datuk Bandar. Pencahayaan.
12. Pemegang lesen hendaklah mematuhi segala arahan yang diberi oleh Datuk Bandar dan pihak polis untuk mempastikan bahawa keselamatan yang cukup diadakan di tempat letak kereta persendirianya. Keselamatan.
13. Pemegang lesen hendaklah mempastikan— Pencesahan kebakaran.
- (a) bahawa kelengkapan menentang kebakaran yang cukup dipasang hingga memuaskan hati Datuk Bandar;
 - (b) bahawa tangga dan jalan keluar dikendalikan dengan sempurna;
 - (c) bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan; dan
 - (d) bahawa tiap-tiap pintu dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang;
- di tempat letak kereta persendirianya.
14. Datuk Bandar, mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya atau pihak polis boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana tanah atau premis bagi maksud menentukan samada— Kuasa untuk memasuki.
- (a) tanah atau premis itu sedang digunakan sebagai tempat letak kereta persendirian tanpa lesen yang sah yang diberi berkenaan dengannya; atau
 - (b) suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini telah dilakukan.
15. Datuk Bandar boleh mengecualikan mana-mana orang atau golongan atau kategori orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini atau mengecualikan mana-mana atau kesemua syarat-syarat Undang-undang Kecil ini atau menggantikan mana-mana atau kesemua syarat-syarat ini sebagaimana yang ia fikirkan patut. Pengecualian.
16. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan. Penalti.

(Dihapuskan)
Bipotong dgn
P.U.(A)305/94

JADUAL
(Undang-undang Kecil 4 (1))
FEE LESEN TAHUNAN

| Bil. lot letak kereta bagi satu tempat letak kereta | Fee kena dibayar |
|--|------------------|
| 10—50 | \$ 125.00 |
| 51—100 | 250.00 |
| 101—200 | 500.00 |
| 201—300 | 750.00 |
| 301—400 | 1,000.00 |
| 401—500 | 1,200.00 |
| 501 ke atas | 1,500.00 |

Diperbuat pada 12hb Jun 1982.
[PHEU 2/4/82; PN. (PU²) 328.]

ELYAS BIN OMAR,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Wilayah Persekutuan

Disahkan pada 28hb Jun 1982.

DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF,
Menteri Wilayah Persekutuan

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS (FEDERAL TERRITORY)
BY-LAWS 1982

Act 171.

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Secretary-General of the Ministry of Federal Territory, carrying out the functions of the Commissioner of the City of Kuala Lumpur pursuant to section 4 (7) of the Federal Capital Act 1960, makes, and pursuant to section 103 of the Local Government Act 1976 the Minister confirms, the following by-laws:

Act 190.

Act 171.

Citation and application.

1. These By-laws may be cited as the Licensing of Private Car Parks (Federal Territory) By-laws 1982 and shall apply only to the Federal Territory.

Interpreta-
tion.

2. In these By-laws, unless the context otherwise requires—

“Commissioner” means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur;

“parking lot” means the space marked out in a parking place for the parking of one motor vehicle;

“person” includes a company or statutory body or association or body of persons corporate or unincorporate;

"private car park" means any land or premises or part thereof owned or occupied by any person other than the Commissioner or the Government and used for the parking of ten or more motor vehicles, and to which any member of the public is admitted to park any vehicle subject to the payment of a fee whether hourly or otherwise.

3. No person shall operate a private car park unless he is in possession of a valid licence granted for that purpose under these By-laws. Licence required.

4. (1) The fee payable for the grant or renewal of a licence shall be as set out in the Schedule. Fee for Subs. by, licensee. P.U.(A) 305/94.

(2) A licence shall unless sooner suspended or revoked remain in force until the 31st day of December next following the date of commencement of the licence and may be renewed on or before the date of expiry.

Subs. by, P.U.(A) 305/94.

(3) A licence shall not be transferred to any other person and no licensee shall operate through any other person except with the prior written consent of the Commissioner.

5. The granting of a licence shall be at the Commissioner's discretion. Discretion of Commissioner.

6. An application for a licence to operate a private car park shall be made in writing to the Commissioner in such form as the Commissioner may determine accompanied by a plan in duplicate showing the location, dimensions and capacity of the car park. Application for licence.

7. (1) Every licensee shall keep his private car park clean at all times. Cleanliness.

(2) Every licensee shall provide adequate refuse receptacles in his private car park.

8. The licensee shall not increase or reduce the number of car parking lots within his private car park except with the prior written approval of the Commissioner. Alteration and addition.

9. The licensee shall take adequate measures to ensure that no vehicle is parked in any manner so as to obstruct the free flow of traffic inside or in the vicinity of his private car park. Obstruction.

10. The licensee shall not use or permit to be used any part of his private car park for any purpose other than for the parking of motor vehicles except with the prior written approval of the Commissioner. Other uses not permitted.

11. The licensee shall provide adequate lighting and, if it is a covered private car park, adequate ventilation to the satisfaction of the Commissioner. Lighting.

12. The licensee shall comply with all instructions given by the Commissioner and the police to ensure that adequate security is provided in his private car park. Security.

Fire prevention.

13. The licensee shall ensure—
 (a) that adequate fire fighting equipment is installed to the satisfaction of the Commissioner;
 (b) that staircase and exits are properly maintained;
 (c) that all staircases, passages, landings and exits are kept clear of all obstructions; and
 (d) that every door is so constructed and fitted as to be readily opened;

in his private car park.

Power of entry.

14. The Commissioner, any officer authorised by him or the police may at any time enter any land or premises for the purpose of ascertaining whether—
 (a) the land or premises is or are being used as a private car park without a valid licence granted in respect thereof; or
 (b) an offence under these By-laws has been committed.

Exemption.

15. The Commissioner may exempt any person or class or category of persons from all or any of the provisions of these By-laws or waive any or all of the conditions of these By-laws or substitute for any or all of these conditions as he may consider fit.

Penalty.

16. Any person who contravenes any of the provisions of these By-laws is guilty of an offence and is liable on conviction to a fine not exceeding two thousand ringgit and to a further fine not exceeding two hundred ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

SCHEDULE

*Deleted by,
P.U.(A) 305/94.*

(By-law 4 (1))
ANNUAL LICENCE FEES

| No. of parking lots per car park | Fees payable |
|--|--------------|
| 10–50 \$ 125.00 | |
| 51–100 250.00 | |
| 101–200 500.00 | |
| 201–300 750.00 | |
| 301–400 1,000.00 | |
| 401–500 1,200.00 | |
| 501 and above 1,500.00 | |

Made the 12th June 1982.
[PHEU/4/82; PN. (PU²) 328.]

ELYAS BIN OMAR,
Secretary-General,
Ministry of Federal Territory

Confirmed the 28th June 1982.

DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF,
Minister for the Federal Territory

P.U.(A) 305/94



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 38
No. 16

11hb Ogos 1994

TAMBAHAN No. 51
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 305.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA
PERSENDIRIAN (WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 1994

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta *Akta 171.* *Name dan pemasukan.* Kerajaan Tempatan 1976, Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1994 dan hendaklah terpakai hanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Wilayah Persekutuan) 1982, yang disebut "Undang-Undang Kecil Ibu" dalam "undang-undang kecil ini, adalah dipinda dalam undang-undang kecil 4—
*Pindaan undang-undang kecil 4.
P.U. (A) 208/82.*

(a) dengan menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut:

"(1) Fee yang kena dibayar bagi keluaran atau pembaharuan lesen bagi suatu lot letak kereta adalah RM5.00 setahun.";

dan

(b) dengan menggantikan perenggan (2) dengan perenggan yang berikut:

"(2) Lesen hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan hendaklah dibaharui pada atau sebelum tarikh habis tempoh lesen itu.".

Pemotongan.

3. Jadual kepada Undang-Undang Kecil ibu adalah dipotong.

Peruntukan
kecualian.

4. Tiada apa-apa jua dalam Undang-Undang Kecil ini boleh menyentuh keesahan apa-apa pembayaran yang dibuat bagi lesen yang dikeluarkan sebelum mula berkuatkuasanya undang-undang kecil ini.

Dibuat pada 23hb April 1994.
[JHEU²/5/82; PN. (PU²) 328/IV.]

DATO' DR MAZLAN BIN AHMAD,
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Disahkan pada 20hb Jun. 1994.

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Perdana Menteri

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS (FEDERAL TERRITORY) (AMENDMENT) BY-LAWS 1994

Act 171.

In exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the Act the Minister confirms, the following by-laws:

Citation and
application.

1. These by-laws may be cited as the Licensing of Private Car Parks (Federal Territory) (Amendment) By-Laws 1994 and shall apply only to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

Amendment
of by-law 4.
P.U. (A) 208/82.

2. The Licensing of Private Car Parks (Federal Territory) by-Laws 1982, which in these by-laws is referred to as the "principal By-Laws", is amended in by-law 4—

(a) by substituting for paragraph (1) the following paragraph:

"(1) The fee payable for the issue or renewal of a licence for a parking lot shall be RM5.00 per year.";

and

(b) by substituting for paragraph (2) the following paragraph:

"(2) The licence shall be valid for a period not exceeding three years and shall be renewed on or before the date of expiry of the licence.".

3. The Schedule to the principal By-Laws is deleted. Deletion.
4. Nothing in these by-laws shall affect the validity of any ~~Savings provision.~~ payment made for a licence issued before the coming into force of these by-laws.

Made the 23rd April 1994.
[JHEU²/5/82; PN. (PU²) 328/IV.]

DATO' DR. MAZLAN BIN AHMAD,
Commissioner of the City of Kuala Lumpur

Confirmed the 20th June 1994.

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Prime Minister

P.U. (A) 306:

**AKTA HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR) 1992**

**PERINTAJI HIBURAN (WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR) (PERISYTHIARAN) 1994**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 2(m) Akta ~~Akta 493.~~ Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992, Menteri membuat perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Perisythiaran) 1994.
2. Menteri mengisytiharkan bahawa apa-apa jenis sukan atau ~~perisythiaran.~~ permainan bagi maksud komersil adalah suatu hiburan.

Dibuat pada 20hb Jun 1994.
[JHEU²/60/92; PN. (PU²) 526.]

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Perdana Menteri

**ENTERTAINMENT (FEDERAL TERRITORY OF
KUALA LUMPUR) ACT 1992**

**ENTERTAINMENT (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)
(DECLARATION) ORDER 1994**

IN exercise of the powers conferred by paragraph 2(m) of the Entertainment (Federal Territory of Kuala Lumpur) Act 1992, the ~~Act 493.~~ Minister makes the following order:

1. This order may be cited as the Entertainment (Federal ~~Citation.~~ Territory of Kuala Lumpur) (Declaration) Order 1994.

P.U.(A) 331/97/

(3E) The fee paid for a licence under these By-laws shall not be refundable.”.

Made 17 February 1997.
[JHEU²/36/77; PN. (PU²) 328/4.]

TAN SRI DATO' KAMARUZZAMAN BIN SHARIFF,
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Confirmed 30 July 1997.

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Prime Minister

P.U. (A) 331.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN (WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 1997

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta *Akta 171*. Kerajaan Tempatan 1976, Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri, mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Nama. Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1997.**

2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Wilayah Persekutuan) 1982, yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, adalah dipinda dalam undang-undang kecil 4 dengan menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut:

“(1) Fee yang kena dibayar bagi keluaran atau pembaharuan lesen bagi suatu tempat letak kereta persendirian adalah RM5.00 setahun bagi setiap lot letak kereta yang terletak di dalamnya.”

3. Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 6 undang-undang kecil yang berikut:

“Syarat, fee dan deposit bagi lesen. 6A. Apabila permohonan untuk mendapatkan lesen diluluskan, Datuk Bandar hendaklah mengeluarkan suatu lesen tertakluk kepada—

(a) apa-apa syarat dan sekatan yang dinyatakan di dalamnya;

*Pindaan undang-undang kecil 4.
P.U. (A) 20/982.*

*Undang-undang kecil baru 6A.
6B, 6C dan 6D.*

(b) bayaran fee yang ditetapkan dalam perenggan 4(1);
dan

(c) bayaran suatu deposit apa-apa jumlah wang yang ditentukan oleh Datuk Bandar untuk memastikan bahawa syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen itu dan peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi dengan sewajarnya:

Dengan syarat bahawa apabila lesen diperbaharui,
tiada deposit lanjut dikehendaki.

**Pelucuthakan
deposit.**

6B. (1) Datuk Bandar boleh, selepas memberi pemegang lesen peluang untuk didengar, melucuthakkan kesemua atau sebahagian daripada deposit itu jika dia berpuas hati bahawa terdapat pelanggaran syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen itu atau peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Dengan pelucuthakan deposit itu, lesen itu hendaklah disifatkan telah dibatalkan, melainkan Datuk Bandar atas permohonan pemegang lesen membenarkan lesen terus berkuatkuasa tertakluk kepada pembayaran semula deposit yang telah dilucutkan.

**Bayaran balik
deposit.**

6C. Deposit yang dibayar di bawah perenggan 6A(c) hendaklah, melainkan dilucuthakkan di bawah undang-undang kecil 6B, dibayar balik dengan tiada pelarasan bagi faedah atas amaun yang didepositkan kepada pemegang lesen selepas Datuk Bandar diberitahu secara bertulis oleh pemegang lesen bahawa dia telah berhenti mengendalikan tempat letak kereta persendirian itu dan apabila lesen diserahkan kepada Datuk Bandar dalam keadaan di mana lesen itu belum habis tempoh.

**Fee tidak boleh
dibayar balik.**

6D. Fee yang dibayar bagi lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh dibayar balik.”.

**Undang-undang
kecil baru 11A.**

4. Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 11 undang-undang kecil yang berikut:

**“Penstandarden
caj letak
kereta.**

11A. (1) Datuk Bandar boleh, bagi maksud menstandardkan caj letak kereta untuk sesuatu kawasan, pada bila-bila masa menentukan caj letak kereta tempat letak kereta persendirian di kawasan itu.

(2) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengenakan caj letak kereta seperti yang ditentukan oleh Datuk Bandar untuk kereta yang diletak di tempat letak kereta persendirinya.”.

Dibuat 26 Mac 1997.
[JHEU²/4/82; PN. (PU²) 328/IV.]

TAN SRI DATO' KAMARUZZAMAN BIN SHARIFF,
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Disahkan 30 Julai 1997.

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Perdana Menteri

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS (FEDERAL TERRITORY) (AMENDMENT) BY-LAWS 1997

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local *Act 171*, Government Act 1976, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the Act, the Minister confirms, the following by-laws:

1. These by-laws may be cited as the **Licensing of Private Car Parks (Federal Territory) (Amendment) By-laws 1997**. Citation.

2. The Licensing of Private Car Parks (Federal Territory) By-laws 1982, which in these By-laws are referred to as the “principal By-laws”, are amended in by-law 4 by substituting for paragraph (1) the following paragraph:

“(1) The fee payable for the issue or renewal of a licence for a private car park shall be RM5.00 per year for each parking lot therein.”

3. The principal By-laws is amended by inserting after by-law 6 New by-laws 6A, 6B, 6C and 6D.

“Conditions, fee and deposit for licence.” 6A. Upon approval of the application for a licence, the Commissioner shall issue a licence subject to—

- (a) such conditions and restrictions as may be specified therein;
- (b) payment of the fee as set out in paragraph 4(1); and
- (c) payment of a deposit of such sum as the Commissioner may determine to ensure that the

conditions and restrictions of the licence and the provisions of these By-laws are duly observed:

Provided that upon renewal of the licence, no further deposit shall be required.

Forfeiture of deposit.

6B. (1) The Commissioner may after giving the licensee an opportunity of being heard, forfeit the deposit in whole or in part if he is satisfied that there has been a breach of the conditions and restrictions of the licence or contravention of the provisions of these By-laws.

(2) Upon forfeiture of such deposit the licence shall be deemed to be cancelled, unless the Commissioner on the application of the licensee allows the licence to continue to be enforced subject to repayment of the deposit that has been forfeited.

Refund of deposit.

6C. The deposit paid under paragraph 6A(c) shall, unless forfeited under by-law 6B, be refunded with no adjustment for interest on the amount deposited to the licensee after the Commissioner is notified in writing by the licensee that he has ceased operating the private car park and upon surrender of the licence in the event that the licence has not expired.

Fee not refundable.

6D. The fee paid for a licence under these By-laws shall not be refundable.”.

New by-law
11A.

4. The principal By-laws is amended by inserting after by-law 11 the following by-law:

“Standardisation of parking charges.

11A. (1) The Commissioner may, for the purpose of standardising the parking charges of an area, at any time determine the parking charges of all private car parks in that area.

(2) Every licensee shall impose the parking charges as determined by the Commissioner for the parking of vehicles in his private car park.”.

Made 26 March 1997.
JHEU²/4/82; PN. (PU²) 328/IV.]

TAN SRI DATO' KAMARUZZAMAN BIN SHARIFF,
Commissioner for the City of Kuala Lumpur

Confirmed 30 July 1997.

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Prime Minister

P.U.(A) 219/04

P.U. (A) 219.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Dato Bandar Kuala Lumpur membuat dan, menurut seksyen 103 Akta tersebut Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2004**.

Pindaan undang-undang kecil 4

2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Wilayah Persekutuan) 1982 [P.U. (A) 208/1982], yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam undang-undang kecil 4 dengan menggantikan perenggan (2) dengan perenggan yang berikut:

“(2) Sesuatu lesen yang dikeluarkan dan diperbaharui di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.”.

Pindaan undang-undang kecil 10

3. Undang-undang kecil 10 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan memasukkan selepas perkataan “tidak” perkataan “boleh”.

Dibuat 26 Januari 2004
[JHEU2/5/82; PN(PU²)328A/XXIII]

DATUK MOHAMAD SHAID BIN MOHD. TAUFEK
Dato Bandar Kuala Lumpur

Disahkan 1 Jun 2004

DATO' SERI ONG KA TING
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS (FEDERAL TERRITORY)
(AMENDMENT) BY-LAWS 2004

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes and, pursuant to section 103 of the said Act the Minister confirms, the following by-laws:

Citation

1. These by-laws may be cited as the **Licensing of Private Car Parks (Federal Territory) (Amendment) By-Laws 2004**.

Amendment of by-law 4

2. The Licensing of Private Car Parks (Federal Territory) By-Laws 1982 [P.U. (A) 208/1982], which in these By-Laws are referred to as the "principal By-Laws", are amended in by-law 4 by substituting for paragraph (2) the following paragraph:

"(2) A licence issued and renewed under these By-Laws shall be for a period as determined by the Commissioner."

Amendment of by-law 10

3. By-law 10 of the principal By-Laws is amended in the national language text by inserting after the word "tidak" the word "boleh".

Made 26 January 2004
[JHEU2/5/82; PN(PU²)328A/XXIII]

DATUK MOHAMAD SHAID BIN MOHD. TAUFEK
Commissioner of the City of Kuala Lumpur

Confirmed 1 June 2004

DATO' SERI ONG KA TING
Minister of Housing and Local Government